



## KENYATAAN MEDIA JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

### UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA LINA SAMUEL

---

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dengan rasa dukacita ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Lina Samuel yang dilaporkan oleh akhbar The Borneo Post telah meninggal dunia pada pagi ini akibat kanser kolon tahap 4. Semoga keluarga mendiang diberikan kekuatan dan kesabaran menghadapi saat duka ini.

Mendiang yang sebelum ini pernah dilaporkan oleh pihak media tidak mempunyai Kad Pengenalan untuk mendapatkan rawatan di Hospital telah menarik perhatian ramai pihak. Sebagai makluman, JPN telah bertemu dengan mendiang dan membuka semula kertas siasatan bagi kes beliau. Namun atas dasar keprihatinan dan kebajikan mendiang, JPN telah mengeluarkan Dokumen Pengenalan Sementara (KPPK11) pada 13 April 2023.

Malah menurut kenyataan rasmi Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak pada 12 April 2023 juga memaklumkan mendiang tetap diberikan perkhidmatan rawatan sewajarnya di Hospital Miri secara berterusan tanpa sebarang prejedis walaupun semasa tempoh ketiadaan dokumen pengenalan diri tersebut.

JPN ingin menyeru orang ramai yang mempunyai persoalan atau masalah berkaitan hal-hal pendaftaran sama ada urusan kelahiran, kad pengenalan, kematian, perkahwinan dan kewarganegaraan untuk segera hadir ke mana-mana 212 pejabat JPN di seluruh negara untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan. Orang ramai juga boleh memperolehi maklumat berkaitan perkhidmatan Jabatan ini di portal dan pelbagai platform media sosial rasmi JPN.

**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**  
**25 APRIL 2023**

---

*Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.*

Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendaftaran Negara  
Telefon: 03-8880 7077 | E-mel: [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)